



PENGLIBATAN TENAGA KERJA DALAM INDUSTRI BATIK MALAYSIA: SATU KAJIAN FAKTOR-FAKTOR PENENTU

AHMAD FARHAN ZAINI¹, NOOR HASLINA MOHAMAD AKHIR^{1*}, RAHAYA MD JAMIN¹,
SURIYANI MUHAMAD¹, NOR ERMAWATI HUSSAIN² DAN JUNAIDI AWANG³

¹Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. ²Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.

³Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia.

*Corresponding author: haslin@umt.edu.my

ARTICLE INFO

Article History:

Received: 25 June 2022

Revised: 7 October 2025

Accepted: 16 November 2025

Published: 15 April 2026

Keywords:

Batik Malaysia, industri batik, kreatif seni budaya, tenaga kerja, produk warisan.

Malaysian batik, batik industry, creative cultural arts, labour force, heritage product.

ABSTRACT

Batik yang berusia lebih 2,000 tahun merupakan warisan seni budaya negara yang dinamik dalam pembangunan ekonomi komuniti, serta simbol pengukuhan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Sebagai produk yang dibangunkan di desa, batik ialah industri berintensifkan buruh yang memerlukan bilangan pekerja mencukupi dalam setiap proses pembuatan bagi menghasilkan produk berkualiti tinggi. Namun begitu, golongan muda kurang berminat untuk bekerja dalam industri ini, dan lebih memilih untuk berhijrah ke bandar bagi mendapatkan pekerjaan. Dalam pasaran semasa, majoriti pekerja batik terdiri daripada individu berusia dan kebanyakannya bekerja secara kontrak. Situasi tersebut menggambarkan bahawa bilangan tenaga kerja dalam industri ini tidak stabil. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan tenaga kerja dalam industri batik tempatan. Data primer yang dikumpulkan melalui soal selidik dianalisis menggunakan kaedah analisis korelasi dan regresi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor upah, minat, dan keluarga mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan motivasi pekerja untuk bekerja dalam industri batik. Dianggarkan hanya 18% pekerja menerima manfaat perlindungan keselamatan sosial dalam pekerjaan mereka dalam industri ini. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penawaran upah yang lebih kompetitif berupaya meningkatkan daya tarikan serta kestabilan pekerjaan dalam kalangan golongan muda untuk bekerja dalam industri ini. Sementara itu, sokongan keluarga perlu diperkukuh melalui kesan limpahan daripada insentif dan perlindungan sosial yang diberikan oleh pemilik perusahaan batik kepada pekerja. Pembangunan modal manusia yang efektif akan terus memperkukuh kelangsungan industri batik sebagai warisan budaya dan sumber ekonomi komuniti.

Batik, with a history spanning over 2,000 years is a dynamic cultural heritage that contributes to community economic development and serves as a symbol of unity among Malaysia's multiracial society. As a product traditionally developed in rural areas, batik is a labour-intensive industry that requires a sufficient workforce at every stage of production to ensure high-quality output. However, the younger generation shows little interest in working in this industry, preferring to migrate to urban areas for employment. In current labour market, the majority of batik workers are older individuals, many of whom are employed on a contractual basis. This situation reflects the instability of the workforce in the batik industry. Thus, the objective of this study is to examine the factors influencing workforce participation in the local batik industry. Primary data collected through surveys were analysed using

correlation and regression analysis. The findings reveal that wages, interest (passion), and family support have a significant positive relationship with workers' motivation to work in the batik industry. It is estimated that only 18% of workers in this sector receive social protection benefits in their employment. The implication of this study indicates that more competitive wages can enhance the attractiveness and job stability for the younger generation to work in this industry. Additionally, family support should be strengthened through the spillover effects of incentives and social protection provided to workers by batik entrepreneurs. Effective human capital development will continue to support the sustainability of the batik industry as both a cultural heritage and a source of community economic empowerment.

© UMT Press

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang dikenali dengan kepelbagaian kraf tangan yang dihasilkan oleh penduduk tempatan, antaranya ialah membuat pisau, piuter, songket, wau, ukiran kayu, dan batik. Secara umumnya, batik dikaitkan dengan proses melukis corak pada kain yang melibatkan pewarnaan melalui teknik penahan (Yunus, 2011). Pembuat batik tempatan pula mentakrifkan batik sebagai proses melukis garisan halus pada permukaan kain bagi menghalang warna daripada meresap ke bahagian lain semasa proses pewarnaan (Kheng, 2002; Osman, 2002; Azmi *et al.*, 2009). Meneliti sudut sejarah, Robinson (2001) berpandangan bahawa kewujudan batik telah berusia lebih 2,000 tahun. Sebagai produk warisan negara bernilai tinggi dan warisan seni peninggalan generasi terdahulu, batik berupaya menjadi sumber yang dinamik bagi pembangunan ekonomi komuniti. Selain itu, batik juga mampu menjadi simbol pengukuhan perpaduan, memandangkan penerimaannya dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum (Ramli *et al.*, 2017).

Penelitian daripada sudut industri kreatif menunjukkan bahawa batik diklasifikasikan dalam kumpulan kraf kreatif seni budaya. Jalinan kraf kreatif dan seni warisan budaya menggambarkan pertumbuhan pesat industri kraf batik yang berupaya menyumbang kepada hasil industri kreatif negara, dan menjamin kelangsungan produk warisan negara walaupun batik berkembang sebagai produk tradisional desa di Malaysia. Ditinjau daripada evolusi

ekonomi dunia, negara seperti United Kingdom, Jepun, Jerman, Sepanyol, dan Singapura mencatatkan peningkatan sumbangan industri kreatif terhadap pertumbuhan ekonomi negara masing-masing. Oleh itu, bagi meningkatkan daya saing ekonomi negara hasil percambahan struktur ekonomi dunia, Malaysia perlu merangka strategi untuk memajukan industri kreatif negara, antaranya melibatkan kumpulan multimedia, kumpulan warisan budaya, dan kumpulan seni budaya, termasuk produk kraf kreatif seni budaya seperti batik Malaysia.

Secara umum, industri kraf negara boleh diklasifikasikan kepada tekstil, hasil rimba, hasil logam, hasil tanah, dan aneka kraf. Batik dikelaskan dalam kumpulan kraf tekstil negara. Pada tahun 2019, industri kraf mencatatkan nilai yang memberangsangkan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM519.7 juta (BERNAMA, 2019). Namun begitu, penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia telah memberi kesan negatif terhadap prestasi industri kraf negara melalui penurunan jualan, dengan hasil sejumlah RM182.7 juta pada tahun 2020 (BERNAMA, 2020). Tahun berikutnya, 2021, turut mencatatkan penurunan jumlah jualan kraf negara dengan nilai hanya RM124.3 juta (Utusan, 2021). Walau bagaimanapun, prestasi jualan kraf negara pada tahun 2022 menunjukkan perubahan positif apabila nilai jualan meningkat kepada RM258.5 juta yang disumbangkan oleh lima bidang utama kraf, iaitu hasil rimba, hasil logam, tekstil, hasil tanah, dan aneka kraf (Mazlan, 2022). Berdasarkan data

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, nilai jualan batik meningkat daripada RM83.3 juta pada tahun 2022 kepada RM100.4 juta pada tahun 2023, sekali gus menunjukkan momentum pertumbuhan yang positif dalam industri batik (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2023). Selain itu, keseluruhan industri kraf turut merekodkan nilai jualan RM409.9 juta pada tahun 2024 yang melibatkan hampir 7,000 usahawan di seluruh negara. Perkembangan ini menjadi isyarat jelas bahawa ekosistem kraf, termasuk batik, semakin signifikan sebagai pemangkin ekonomi kreatif Malaysia (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2024).

Diteliti dengan lebih mendalam dalam pasaran kraf tempatan, perbandingan dengan produk kraf lain seperti produk logam, produk pertanian, hasil hutan, dan pelbagai kraf lain menunjukkan bahawa kraf berasaskan tekstil mendominasi sumbangan terhadap hasil jualan kraf negara pada tahun 2018. Berdasarkan kraf tekstil, dianggarkan 34% daripada keuntungan keseluruhan jualan kraf di Malaysia disumbangkan oleh batik. Perkembangan positif industri kraf batik berupaya menyumbang kepada ekonomi negara secara umum dan menjadi platform pembangunan ekonomi luar bandar secara khusus. Walaupun bermula sebagai industri berskala kecil, batik kini berkembang sebagai industri desa yang terkenal di peringkat domestik (Nordin & Bakar, 2013) dan global (Azmi *et al.*, 2009; Yunus, 2011).

Di peringkat global, Batik Indonesia telah mendapat pengiktirafan daripada United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) sebagai “warisan budaya manusia yang tidak ketara (intangible culture heritage of humanity)”, iaitu ungkapan yang mengaitkan batik dengan unsur tradisi berkaitan kitaran hidup manusia sehingga membentuk identiti sesebuah masyarakat. Pengiktirafan tersebut secara tidak langsung membuka peluang kepada Malaysia sebagai negara serumpun bersama Indonesia untuk mengembangkan produk batik Malaysia ke pasaran luar negara. Oleh itu, batik dicirikan sebagai produk warisan budaya manusia. Secara

umum, penghasilan sehelai batik berkualiti perlu melalui proses pembuatan yang dimulakan dengan mencanting atau menerap, mewarna, mematikan warna, membuang lilin, membasuh, dan mengeringkan kain. Secara lebih mendalam, setiap peringkat proses pembuatan batik, sama ada batik canting, batik blok atau terap, atau batik skrin, memerlukan pekerja yang mencukupi dan pemantauan berkala bagi memastikan batik yang dihasilkan untuk pasaran tempatan berkualiti tinggi serta eksklusif. Sebagai contoh, dalam proses penghasilan batik, peringkat penerapan warna pada kain memerlukan sekurang-kurangnya lima jam bagi menghasilkan sehelai batik berkualiti dengan warna yang bersinar dan tahan lama. Kegagalan pekerja mematuhi prosedur pengeluaran yang ditetapkan akan menyebabkan warna kain menjadi pudar dan corak tidak menyerlah. Oleh itu, pengusaha batik perlu memastikan tenaga kerja dalam industri ini memahami proses pengeluaran batik, sekali gus membuktikan bahawa industri batik merupakan industri berintensifkan buruh.

Sehubungan dengan ciri tersebut, industri batik memerlukan tenaga kerja yang mencukupi bagi memastikan proses pembuatan berterusan dan tidak terganggu. Berdasarkan teori pengeluaran dalam ekonomi, faktor buruh dikategorikan sebagai input utama dalam penghasilan sesuatu produk. Sebagai sebahagian daripada industri kreatif, pengusaha batik memerlukan lebih ramai pekerja mahir, kreatif, dan inovatif untuk menghasilkan rekaan corak batik yang unik pada kain. Namun begitu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa golongan muda kebanyakannya tidak berminat menceburi industri desa sebagai kerjaya dan lebih cenderung bekerja dalam industri lain di bandar. Industri ini juga didominasi oleh pekerja berusia dan kebanyakannya berstatus kontrak. Ketidaktentuan dan ketidakstabilan bilangan tenaga kerja ini dibimbangi menjejaskan penghasilan batik bagi memenuhi permintaan domestik dan antarabangsa. Tambahan pula, pelaksanaan dasar kerajaan yang mewajibkan kakitangan awam memakai batik tempatan setiap hari Khamis, serta menggalakkan pemakaian pada hari lain, dipercayai akan terus

meningkatkan permintaan terhadap produk batik tempatan (BERNAMA, 2023; Jabatan Perkhidmatan Awam, 2023).

Maka, kajian ini bertujuan mengkaji faktor yang mempengaruhi penglibatan tenaga kerja dalam industri batik tempatan. Sokongan tenaga kerja muda tempatan yang mahir akan membantu pembangunan modal insan berkualiti dalam pengembangan industri warisan seni budaya batik negara. Dari sudut potensi lain, industri batik berupaya mengembangkan pelancongan budaya melalui tema “Malaysia Truly Asia” yang memfokuskan keunikan kaum di Malaysia. Walaupun kebanyakan corak batik dibangunkan oleh etnik Melayu, pemakaian batik telah menjadi pilihan pelbagai kaum untuk pelbagai tujuan dan aktiviti, sekali gus menggambarkan nilai perpaduan dalam kepelbagaian etnik, budaya, tradisi, adat, dan perayaan. Sokongan, kerjasama, dan bantuan dari sudut perancangan strategi dan kewangan oleh kerajaan, perbankan, pihak swasta, NGO, dan pengusaha batik dipercayai mampu membuka peluang luas untuk mengembangkan industri batik Malaysia dalam pasaran domestik, dan seterusnya ke peringkat antarabangsa. Tambahan pula, identiti dan garis panduan logo Visit Malaysia 2026 (VM2026) memperincikan bahawa reka bentuk serta skema warna logo diilhamkan daripada corak batik Malaysia. Perkara tersebut selari dengan naratif “Malaysia Truly Asia” yang menonjolkan kepelbagaian budaya negara. Pelancaran rasmi VM2026 pada 6 Januari 2025 turut menegaskan peranan elemen budaya sebagai tarikan pelancongan utama (Malaysia.Travel, 2025; Tourism Malaysia, 2025).

Jika diteliti kajian lepas, didapati bahawa kajian yang memfokuskan faktor penglibatan tenaga kerja dalam industri ini masih sangat terhad (Ismail *et al.*, 2013; Al Husain, 2015; Khairi *et al.*, 2018; Mustapha *et al.*, 2019; Shaharuddin *et al.*, 2021), sumbangan kepada struktur ekonomi negara (Akhir *et al.*, 2018; Kristinigrum *et al.*, 2021), proses menghasilkan batik (Kudiya *et al.*, 2018; Rosman *et al.*, 2019; Bakti & Hanafiah, 2021), dan berkaitan motif batik (Kari *et al.*, 2019; Samsuddin *et al.*,

2020). Laporan tahunan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia juga tidak menyatakan secara khusus jumlah pekerja dalam industri batik, sebaliknya lebih tertumpu kepada hasil tekstil dan tidak spesifik kepada produk batik.

Oleh itu, kajian ini berbeza daripada kajian lepas kerana meneliti faktor yang mempengaruhi penglibatan tenaga kerja dalam industri batik negara. Kajian ini menggunakan teori motivasi dengan tumpuan kepada pekerja yang telah terlibat dalam industri batik. Bryan (2010) dan Siregar (2011) mentakrifkan motivasi sebagai kekuatan dalaman individu untuk mencapai sesuatu matlamat dan pencapaian. Walaupun majoriti pekerja berstatus kontrak dengan pendapatan tidak menentu, pekerja masih kekal dalam industri ini meskipun berdepan kekangan kestabilan pekerjaan dan jaminan masa depan. Oleh itu, faktor yang mempengaruhi tenaga kerja untuk terus bekerja dalam industri batik perlu difahami dengan jelas bagi mewujudkan pembangunan modal insan yang efektif dalam usaha meningkatkan kelangsungan industri batik sebagai warisan budaya dan sumber ekonomi komuniti.

Perkembangan Batik di Malaysia

Sejarah menunjukkan perkataan batik berasal daripada dua perkataan Jawa, iaitu ‘ba’ dan ‘tik’, yang bermaksud setitik lilin (Iskandar, 1987). Houston (1975) pula menyatakan bahawa perkataan batik berasal daripada kata ‘ambatik’ yang dikaitkan dengan keseluruhan proses penghasilan batik. Fauziah (1983) berpendapat bahawa perkataan batik mempunyai dua pengertian, iaitu rintik-rintik yang dicorakkan di atas kain dan kain putih yang diterap menggunakan acuan tertentu melalui proses mencelup dalam pewarna. Ismail (1986) mengaitkan batik sebagai tekstil yang dihasilkan melalui proses menerap lilin dan mencelup kain. Walaupun batik ditafsirkan dalam pelbagai pengertian, produk batik secara jelas dikaitkan dengan teknik atau proses penghasilan tekstil tersebut.

Di Alam Melayu, sejarah awal corak batik

lebih dipengaruhi oleh budaya Hindu. Namun begitu, kedatangan Islam di Alam Melayu telah mengurangkan unsur Hindu dalam corak batik. Apabila Islam bertapak kukuh di Nusantara, motif tumbuh-tumbuhan menjadi pilihan utama pengusaha batik (Nakula, 1990). Nian (1990) berpendapat bahawa kepelbagaian corak batik ditentukan oleh kepercayaan yang dianuti, persekitaran, cara hidup, dan lokasi yang berkait dengan pengeluaran batik. Hal ini disokong oleh kajian awal Lu (1989) yang menyatakan bahawa kepelbagaian corak yang dihasilkan oleh pengusaha batik di Asia Tenggara terhasil daripada gabungan pengaruh tempatan dan pengaruh luar. Meninjau aktiviti perdagangan di kepulauan Melayu dan Nusantara, Kesultanan Melaka bukan sahaja menjalinkan hubungan dengan China, malah menjadi pusat pengagihan utama tekstil ke India. Aktiviti perdagangan membuka peluang kepada kain yang terdapat di Pulau Melaka dijual oleh pedagang Melayu hingga ke seluruh Nusantara (Balai Seni Lukis Negara, 1998). Pada tahun 1949, pengusaha batik di Kelantan mula mengimport kain putih dari India dan England (Nakula, 1990).

Di Semenanjung Malaysia, negeri yang terkenal dengan industri batik ialah Kelantan dan Terengganu (Azlan, 2001; June, 2001). Kajian oleh Pepin (1993) menunjukkan bahawa pada tahun 1950, negeri yang mencapai pencapaian tertinggi dalam pengeluaran batik secara besar-besaran ialah Kelantan dan Terengganu sehingga berjaya mengeksport ke Selatan Thailand, Burma, dan Sarawak. Antara faktor yang membantu perkembangan pesat industri batik

di Kelantan dan Terengganu ialah masyarakat setempat gemar memakai pakaian batik untuk aktiviti harian (Arney, 1987) serta untuk majlis rasmi (Yusman & Roselan, 1995). Kini, batik bukan sahaja dipakai oleh kaum Melayu, malah telah diterima oleh pelbagai kaum di Malaysia, selaras dengan kedudukannya sebagai lambang warisan seni budaya seluruh rakyat Malaysia.

Metodologi

Pengumpulan Data

Aspek pengumpulan data merupakan elemen penting dalam sesebuah kajian kerana data yang dikumpulkan menentukan kualiti dapatan kajian (Zikmund *et al.*, 2013). Oleh itu, data yang dikutip mestilah bersesuaian dengan tujuan dan objektif penyelidikan. Dalam kajian ini, data primer digunakan, iaitu data yang diperoleh secara langsung daripada sumber asal yang terlibat dalam kajian (Kuncoro, 2013). Kaedah pengumpulan data adalah menggunakan soal selidik yang melibatkan pekerja industri batik sebagai sampel kajian.

Pembinaan Soal Selidik Kajian

Dalam kajian ini, soal selidik dibina bagi mencapai objektif kajian berkaitan penglibatan tenaga kerja dalam industri batik tempatan. Kajian literatur dilakukan untuk mengenal pasti konsep serta komponen utama yang relevan dengan skop kajian (Sekaran & Bougie, 2016). Seterusnya, item soal selidik dirangka berdasarkan kajian literatur terdahulu seperti dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pembinaan soal selidik tenaga kerja

Bil.	Item	Bilangan Soalan	Rujukan
1	Motivasi dalam pekerjaan	9	Azhar <i>et al.</i> (2018); Mihat <i>et al.</i> (2020); Pazil <i>et al.</i> (2021); Taa dan Putra (2022)
2	Minat	7	Buletin CEM UPM (2023); Nordin dan Hassan (2019); Hashim dan Abd Latib (2020)
3	Faktor keluarga	5	Yaacob dan Ramli (2004); Buletin CEM UPM (2023); Hashim dan Abd Latib (2020)
4	Upah	7	Karunamurthi dan Sieng (2018); Hashim dan Abd Latib (2020)

Jadual 1 menunjukkan item yang berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi penglibatan tenaga kerja dalam industri batik tempatan. Soal selidik kajian ini melibatkan dua bahagian, iaitu Bahagian A: Demografi responden dan Bahagian B: Penglibatan tenaga kerja dalam industri batik. Soalan Bahagian B yang merangkumi motivasi pekerjaan, minat, faktor keluarga, dan upah dibina dalam bentuk skala Likert. Soalan yang dibina telah melalui proses penilaian pakar yang melibatkan ahli akademik serta wakil agensi kerajaan berkaitan industri batik Malaysia bagi tujuan kesahan kandungan. Yaakub *et al.* (2020) menyatakan bahawa kesahan kandungan dilaksanakan bagi memastikan soalan yang dibina mewakili isu dan skop kajian. Seterusnya, beberapa pembedaan dibuat terhadap item instrumen soal selidik selepas proses penilaian pakar bagi memastikan soalan bersesuaian dan difahami dengan jelas oleh responden (Creswell & Creswell, 2018). Data min yang diperoleh daripada Bahagian B akan dianalisis menggunakan analisis korelasi dan regresi bagi mengkaji faktor yang mempengaruhi secara signifikan motivasi pekerja untuk terus bekerja dalam industri batik tempatan.

Pensampelan Kajian

Pensampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah pensampelan bertujuan. Pensampelan ini membolehkan pemilihan responden berdasarkan kriteria khusus yang telah ditentukan oleh penyelidik bagi memastikan maklumat yang diperoleh relevan dengan objektif kajian (Etikan *et al.*, 2016), selain mempunyai pengetahuan mendalam serta pengalaman yang berkaitan secara langsung dengan isu yang dikaji (Palinkas *et al.*, 2015), dan memerlukan kesediaan responden untuk memberikan maklumat secara mendalam berkaitan isu tersebut (Creswell, 2014). Kajian ini melibatkan pekerja yang sedang bekerja dalam industri batik di negeri Kelantan dan Terengganu memandangkan kedua-dua negeri ini merupakan tapak awal perkembangan batik serta masih terkenal sebagai negeri pengeluar batik di Malaysia. Industri batik merupakan industri desa yang tidak mempunyai platform data rasmi khusus

atau pengumpulan data sekunder berkaitan jumlah tenaga kerja. Malah, agak sukar untuk mendapatkan angka yang tepat kerana majoriti pekerja berstatus kontrak dan boleh berhenti pada bila-bila masa untuk beralih ke industri lain.

Justeru, kajian ini dilaksanakan melalui kerja lapangan dengan mendapatkan persetujuan pemilik perusahaan batik untuk mengedarkan soal selidik kepada pekerja bagi mencapai objektif kajian. Dalam proses pengumpulan data, penyelidik menggunakan kaedah *accidental sampling*, iaitu pemilihan responden berdasarkan kesediaan mereka untuk ditemu bual semasa kajian dijalankan. Bagi memastikan kebolehppercayaan analisis, kajian ini melibatkan 100 orang responden, iaitu melebihi jumlah minimum yang disarankan untuk pelaksanaan analisis regresi berganda. Menurut panduan Tabachnick dan Fidell (2007), saiz sampel minimum bagi regresi berganda ialah sekurang-kurangnya 50 responden untuk menguji R^2 keseluruhan atau 104 responden untuk menguji pekali individu. Gujarati dan Porter (2009) turut menegaskan kepentingan bilangan responden yang mencukupi bagi memastikan keputusan analisis sah dan boleh dipercayai. Penglibatan tenaga kerja yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran dapat memberikan maklumat yang lebih tepat berkaitan faktor yang mempengaruhi seseorang untuk terus bekerja dalam industri batik.

Analisis Korelasi dan Regresi Linear

Pengumpulan data primer melalui soal selidik tenaga kerja dianalisis menggunakan kaedah analisis korelasi dan regresi untuk menguji hubungan antara motivasi (MTV) untuk bekerja dengan faktor seperti upah (U), minat (MNT), dan faktor keluarga (FK). Analisis ini merupakan teknik statistik yang digunakan untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan satu atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar (Gujarati & Porter, 2009). Kaedah analisis ini sering diaplikasikan dalam pelbagai bidang seperti sains, ekonomi, dan sains sosial kerana kemampuannya menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat (Hair *et al.*, 2019). Model analisis regresi linear dirumuskan seperti berikut:

$$MTV_i = \beta_0 + \beta_1 MNT_i + \beta_2 FK_i + \beta_3 U_i + \varepsilon_i \quad (1)$$

di mana:

MTV = Motivasi dalam pekerjaan

MNT = Minat

FK = Faktor keluarga

U = Upah

ε = Error term

Keputusan dan Perbincangan

Demografi Responden

Bahagian ini melaporkan dapatan berkaitan jantina, agama, dan umur bagi 100 responden, iaitu 16 pekerja batik dari Terengganu dan 84 pekerja batik dari Kelantan yang terlibat dalam kajian ini. Jadual 2 menunjukkan bahawa bilangan pekerja wanita yang terlibat ialah

54%, berbanding pekerja lelaki sebanyak 46%. Dari sudut agama, didapati 100% responden beragama Islam. Manakala, lebih daripada 50% pekerja berumur 40 tahun ke atas. Dari sudut tahap pendidikan, majoriti responden memiliki SPM atau SPMV dengan peratusan 56%.

Jadual 2: Maklumat demografi responden

Item	Peratusan (%)
Jantina	
Lelaki	46
Perempuan	54
Agama	
Islam	100
Umur (Tahun)	
25 dan ke bawah	14.7
26-30	9.5
31-40	24.2
41-50	37.8
51 dan ke atas	13.7
Tahap pendidikan	
Tiada pendidikan rasmi	1
Sekolah rendah	2
SRP/LCE/PMR/PT3	17
SPM/SPMV	56
Diploma	11
Ijazah pertama	7
Lain-lain (Sijil kemahiran)	6

Sumber: Dapatan kerja lapangan

Faktor Mempengaruhi Tenaga Kerja untuk Bekerja dalam Industri Batik

Jadual 3 menunjukkan dapatan analisis korelasi bagi faktor yang mempengaruhi penglibatan tenaga kerja dalam industri batik seperti upah, minat, dan faktor keluarga. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pemboleh ubah upah (0.748), minat (0.858), dan faktor keluarga

(0.804) mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan motivasi untuk bekerja dalam industri batik. Jadual 3 juga mendedahkan bahawa faktor minat mempunyai hubungan positif yang paling signifikan dengan motivasi untuk bekerja berbanding faktor keluarga dan upah.

Jadual 3: Hubungan faktor penentu dan tenaga kerja

Item	Korelasi	Nilai Signifikan
Upah	.748***	.000
Minat	.858***	.000
Faktor keluarga	.804***	.000

Nota: *** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01.

Sumber: Dapatan kerja lapangan

Berdasarkan dapatan analisis regresi linear dalam Jadual 4, didapati bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah, iaitu upah, minat, dan faktor keluarga, mempengaruhi secara signifikan motivasi untuk bekerja dalam industri batik tempatan. Faktor minat didapati memberikan impak yang lebih signifikan terhadap motivasi untuk bekerja dalam industri batik berbanding faktor keluarga dan upah. Dapatan kajian berkaitan minat ini selari dengan kajian oleh Sukri dan Nachiappan (2021) yang mendedahkan bahawa faktor minat merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam memilih pekerjaan berbanding peluang

pekerjaan, dorongan keluarga, dan ganjaran. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Mamat dan Abd Rahman (2019) yang menunjukkan bahawa minat memainkan peranan penting dalam proses pemilihan pekerjaan. Faktor lain seperti keluarga, rakan sebaya, dan kebolehan individu juga didapati mempengaruhi pemilihan pekerjaan seseorang. Kajian oleh Zanzali dan Rahmat (2010) turut mendapati bahawa minat, kekuatan kerjaya, dan pencapaian akademik memainkan peranan besar dalam mempengaruhi penglibatan tenaga kerja dalam pasaran pekerjaan, manakala faktor pengaruh keluarga dan rakan sebaya memberikan kesan sederhana terhadap pemilihan pekerjaan.

Jadual 4: Faktor mempengaruhi tenaga kerja untuk bekerja

Item	Koefisien	Statistik-t	Nilai-p
Upah	.161	1.990	.049**
Minat	.509	6.808	.000***
Faktor keluarga	.290	4.569	.000***

Nota: *** signifikan pada aras keertian 1%; ** signifikan pada aras keertian 5%.

Sumber: Dapatan kerja lapangan

Berdasarkan dapatan dalam Jadual 4, jelas bahawa minat, faktor keluarga, dan upah memainkan peranan penting dalam mendorong


pekerja untuk bekerja dalam industri batik. Seperti industri lain dalam pasaran, industri batik turut berhadapan dengan cabaran yang boleh

mengganggu perkembangan positif industri ini. Redzuan dan Aref (2011) mendedahkan bahawa salah satu cabaran dalam industri batik ialah penurunan bilangan tenaga kerja berkemahiran dalam pengeluaran batik. Situasi kekurangan tenaga kerja ini dikaitkan dengan faktor ekonomi, antaranya tenaga kerja memilih untuk bekerja dalam industri yang menawarkan upah lebih baik, berbanding industri batik yang mempunyai sekuriti kerja rendah dan pendapatan tidak stabil. Oleh itu, pengusaha batik perlu mengambil kira faktor upah yang dibayar kepada tenaga kerja memandangkan faktor tersebut turut mempengaruhi secara signifikan keputusan pekerja untuk bekerja dalam industri ini. Pengusaha perlu menawarkan upah yang menarik dan bersesuaian bagi meningkatkan daya saing industri desa ini dengan industri moden lain dalam usaha menarik generasi muda untuk bekerja dalam industri batik.

Dengan keadaan upah atau pendapatan yang tidak stabil (Redzuan dan Aref, 2011), pengusaha batik perlu memberi fokus terhadap isu keselamatan, kesihatan, dan ganjaran pekerja bagi memastikan kelestarian pembangunan insan dalam industri ini pada masa hadapan. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)

penting untuk melindungi pekerja di tempat kerja daripada kemalangan, kecederaan, dan pendedahan kepada bahan berbahaya, serta memastikan persekitaran kerja yang selamat.

Namun begitu, dapatan Rajah 1 menimbulkan kebimbangan berkaitan ketersediaan tenaga kerja untuk bekerja dan terus bekerja dalam industri ini. Daripada keseluruhan responden yang terlibat, dianggarkan hanya 18% pekerja menerima manfaat perlindungan keselamatan sosial, manakala 82% tidak menerima manfaat tersebut. Selain itu, dianggarkan 9% menerima manfaat perkhidmatan perubatan dalam pekerjaan, dan 31% menerima bonus daripada majikan. Kajian oleh Buntat dan Hassan (2010) mendapati bahawa faktor seperti minat, pengaruh keluarga, pengaruh rakan sebaya, dan ganjaran berpotensi mempengaruhi seseorang untuk bekerja. Oleh itu, selain upah yang diterima, pengusaha batik perlu menitikberatkan manfaat atau ganjaran yang diberikan kepada pekerja, khususnya yang terlibat dalam proses pengeluaran, kerana faktor tersebut mampu menjadi tarikan kepada penglibatan tenaga kerja dalam industri desa ini, serta mengekalkan kelestarian produk batik pada masa hadapan.



Rajah 1: Manfaat atau ganjaran yang diperoleh

Sumber: Dapatan kerja lapangan

Kesimpulan

Batik merupakan produk industri desa yang mempunyai potensi besar dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat melalui

penyediaan peluang pekerjaan, penghasilan kraf tempatan, dan pelancongan budaya, selain mengangkat serta menyumbang kepada

pertumbuhan industri kreatif negara melalui sumbangan seni budaya tempatan. Sebagai industri yang bergantung pada tenaga kerja berkemahiran, pengeluaran batik memerlukan bilangan pekerja yang mencukupi bagi memastikan setiap proses pengeluaran dilaksanakan mengikut prosedur yang betul, sekali gus menjamin kualiti serta keaslian produk. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor upah, minat, dan sokongan keluarga mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan motivasi untuk bekerja dalam industri batik. Justeru, pelaburan dalam pembangunan tenaga kerja, khususnya dalam kalangan generasi muda, amat diperlukan bagi memastikan kelangsungan industri ini pada masa hadapan.

Bagi menarik minat generasi muda, usaha perlu digerakkan melalui peranan bersama kerajaan dan pengusaha. Dari sudut kerajaan, antara langkah yang boleh dilaksanakan termasuk menyediakan program perantisan berelaun, iaitu program latihan kemahiran yang menawarkan elaun bulanan kepada peserta bagi menampung kos sara hidup sepanjang tempoh latihan. Program tersebut turut memberikan pengalaman kerja serta peluang untuk ditawarkan pekerjaan tetap pada akhir program. Selain itu, kerajaan boleh menawarkan geran permulaan kepada belia untuk membuka bengkel batik dan memperkenalkan skim subsidi upah bagi pengambilan pekerja baharu. Di samping itu, peluang laluan pensijilan kemahiran melalui TVET yang diiktiraf industri dapat meningkatkan minat golongan muda untuk menceburkan diri dalam industri batik, serta dalam masa yang sama mengangkat nilai seni batik warisan negara ke tahap yang lebih tinggi. Penganjuran pertandingan reka bentuk batik di sekolah dan universiti, kemasukan modul batik dalam kurikulum seni, serta pelaksanaan kempen kesedaran yang menekankan prospek kerjaya dan pendapatan berupaya mengubah persepsi bahawa kerjaya dalam industri batik hanya bersifat tradisional, sedangkan bidang tersebut bergerak seiring dengan industri moden yang lain.

Sementara itu, dari perspektif industri, pengusaha batik boleh memainkan peranan

dengan menawarkan struktur kerjaya yang jelas, gaji dan insentif yang kompetitif, jadual kerja yang fleksibel, serta persekitaran kerja yang moden dan selamat. Pengusaha juga boleh menghubungkan minat generasi muda terhadap teknologi dan kreativiti melalui penggunaan alatan digital seperti reka corak berkomputer, pemasaran melalui media sosial, dan e-dagang. Kolaborasi dengan pempengaruh atau komuniti kreatif, serta pelaksanaan program mentor-mentee yang memberi peluang kepada karya belia untuk dipamerkan pada platform komersial turut menjadi daya penarik. Pendekatan bersepadu ini bukan sahaja berupaya menarik lebih ramai belia menyertai industri batik, malah membantu mengekalkan mereka sebagai tenaga mahir yang mampu membawa inovasi baharu dalam memajukan batik tempatan.

Penghargaan

Penyelidikan ini disokong oleh Kementerian Pendidikan melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2022/SS06/UMT/02/3). Penulis juga merakamkan penghargaan terima kasih atas sokongan tidak langsung dari segi penggunaan kemudahan yang membolehkan kerjasama dan proses penulisan dapat dilaksanakan.

Kenyataan Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak terdapat sebarang konflik kepentingan, sama ada dari segi kewangan mahupun peribadi yang mungkin mempengaruhi hasil kajian ini.

Rujukan

- Akhir, N. H. M., Ismail, N. W., & Utit, C. (2018). Malaysian batik industry contribution analysis using direct and indirect effects of input–output techniques. *International Journal of Business and Society*, 19(1), 181–194.
- Akhir, N. H. M., Ismail, N. W., Said, R., & Kaliappan, S. R. (2015). Traditional craftsmanship: The origin, culture, and challenges of batik industry in Malaysia. In R. Omar, H. Bahrom, & G. de Mello

- (Eds.), *Islamic perspectives relating to business, arts, culture and communication: Proceedings of the 1st ICIBACC 2014* (pp. 229–237). Springer Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-287-429-0_22
- Alhusain, A. S. (2015). Kendala dan upaya pengembangan industri batik di Surakarta menuju standardisasi. *Jurnal Ekonomi & Kebijakan Publik*, 6(2), 199–213.
- Arney, S. (1987). *Malaysian batik: Creating new traditions*. Kraftangan Malaysia.
- Ashworth, G. J., & Larkham, P. J. (Eds.). (1994). *Building a new heritage: Tourism, culture and identity in the new Europe*. Routledge.
- Azhar, A. I., Mohamed Yusoff, N., & Jaafar, S. (2018). Gaji minima: Impak terhadap motivasi, prestasi dan produktiviti kerja dalam kalangan industri kecil sederhana. In *Proceedings of the 6th International Seminar on Entrepreneurship and Business (ISEB)* (pp. 608–618).
- Azlan and Associates. (2001). *Malaysian craft industry study: Textile-based craft sectorial report*. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Azmi, J., Umor, Z., Ismail, M. S., Abdullah, K., Ali, N., & Kamaruzaman, N. (2009). *Seni kraf batik: Motif & teknik*. Institut Kraf Negara.
- Bakti, N. A. S. M., & Hanafiah, M. G. (2021). Perubahan pembuatan batik kapas. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember 2021, 455–472.
- Balai Seni Lukis Negara. (1998). *Seni tekstil Malaysia: Satu imbasan kemodenan berumbi tradisi*. Balai Seni Lukis Negara.
- BERNAMA. (2019, Oktober 30). Prestasi Kraftangan Malaysia pada tahap amat memberangsangkan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/prestasi-kraftangan-malaysia-pada-tahap-amat-memberangsangkan-221282>
- BERNAMA. (2020, Oktober 20). Nilai jualan kraf merosot hanya RM1.827 juta. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/10/632552/nilai-jualan-kraf-merosot-hanya-rm1827-juta>
- BERNAMA. (2023, August 22). *Civil servants now allowed to wear batik, not just on Thursdays*.
- Bernard, H. R. (2002). *Research methods in anthropology: Qualitative and quantitative approaches* (3rd ed.). AltaMira Press.
- Buletin CEM UPM. (2023). *Faktor-faktor pemilihan kerjaya bagi seseorang remaja*. Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan. https://cem.upm.edu.my/artikel/faktor_faktor_pemilihan_kerjaya_bagi_seseorang_remaja-71061
- Buntat, Y., & Hassan, K. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun dua Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia* [Unpublished undergraduate thesis]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bryan, C. (2010). *Successful teaching* (7th ed.). Heinemann Publishers.
- Che Yaacob, A., & Ramli, A. H. (2004). Teori pemilihan kerjaya dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya. *Jurnal Akademik UiTM Cawangan Johor*, 4(1), 37–54.
- Chughati, F. D., & Perveen, U. (2013). A study of teachers workload and job satisfaction in public and private schools at secondary level in Lahore City Pakistan. *Asian Journal of Social Sciences & Humanities*, 2(1), 202–214.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1–4. <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>

- Fauziah Hj Abdullah. (1983). *Sejarah perusahaan batek*. Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (Warisan Kelantan II). Muzium Negeri Kelantan.
- Fraser-Lu, S. (1989). *Handwoven textiles of South-East Asia*. Oxford University Press.
- Gujarati, D. N., & Porter, D. C. (2009). *Basic econometrics* (5th ed.). McGraw-Hill Education.
- Hair, J. F., Risher, J. J., Sarstedt, M., & Ringle, C. M. (2019). When to use and how to report the results of PLS-SEM. *European Business Review*, 31(1), 2–24. <https://doi.org/10.1108/EBR-11-2018-0203>
- Hashim, A. L. (2020). *Persepsi pelajar Kolej Komuniti Gerik terhadap faktor pemilihan kerjaya* [Unpublished manuscript]. Kolej Komuniti Gerik.
- Houston, M. (1975). *Batik*. Bobbs-Merill.
- Ismail, W. N. S., Mokhtar, M. Z., & Ali, A. (2013). Design activities and the different level of sales and profits performance of the batik SMEs in Malaysia. *International Review of Management and Business Research*, 2(2), 627–642.
- Ismail, S. Z. (1986). *Rekabentuk kraftangan Melayu tradisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iskandar Mat Salleh. (1987). Batik: Segar warna hidup coraknya. In *Sirih pinang: Kumpulan esei budaya* (pp. 4–7). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2023, Ogos 21). *Pemakaian pakaian batik Malaysia semasa waktu bekerja bagi pegawai perkhidmatan awam Persekutuan* (Surat Edaran JPA.100.1/4/1(13)).
- Kalaiselvi A/P Karunamurthi, & Lai Wei Sieng. (2018). Pilihan sektor pekerjaan dan faktor mempengaruhi pilihan pekerjaan dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21(2), 5–11. <https://spaj.ukm.my/personalia/index.php/personalia/article/view/239>
- Kari, R., Samin, A., & Legino, R. (2019). The sustainability's motif and design of fauna in Malay block batik. In *Proceedings of the First International Conference on Social Sciences, Humanities, Economics and Law (ICONSHEL), September 5–6, 2018, Padang, Indonesia*. EAI. <https://doi.org/10.4108/cai.5-9-2018.2281088>
- Khairi, A., Abdul Hamid, S. E., & Ismail, S. B. (2018). Penonjolan identiti budaya Melayu menerusi aplikasi batik dalam pembuatan bot gentian kaca (fibreglass boat) di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET), Lumut, Perak. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 17, 183–201. <https://doi.org/10.21315/ws2018.17.7>
- Khalik, W. N. (2012). *Status kualiti air Temenggor, Perak* [Master's thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Kheng, J. N. S. (2002). The application of other various textiles techniques. In *Proceedings of Seminar Batik: Ekspresi, Eksplorasi, dan Komunikasi* (pp. 31–35). Institut Kraf Negara, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Kristiningrum, E., Ayundyahrini, M., Susanto, D. A., Setyoko, A. T., Kresiani, R. H., & Suparmanto, N. (2021). Quantifying the economic benefit of standard on auto-electric stove for batik small and medium enterprises in Indonesia. *Heliyon*, 7(6), Article e07299. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e07299>
- Kudiya, K., Sumintono, B., Sabana, S., & Sachari, A. (2018). Batik artisans' judgment of batik wax quality and its criteria: An application of the many-facets Rasch model. In *Pacific Rim Objective Measurement Symposium (PROMS) 2016 Conference Proceedings* (pp. 27–37). Springer. https://doi.org/10.1007/978-981-10-8138-5_3
- Kuncoro, M. (2013). *Metode riset untuk bisnis dan ekonomi* (4th ed.). Erlangga.

- Mamat, F. N. A., & Abd Rahman, I. (2019). Faktor pemilihan pekerjaan dalam kalangan prasiswazah: Kajian di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4), 1–18. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/285>
- Mazlan, N. A. (2022, Disember). Jualan kraftangan negara cecah RM258.5 juta sehingga November. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/12/1040804/jualan-kraftangan-negara-cecah-rm2585-juta-sehingga-november>
- Mihat, F. N., Hassan, M. M., & Anwar, F. H. (2020). Perkaitan antara motivasi dan prestasi kerja terhadap kepuasan kerja dalam kalangan penjawat awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 34–57. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i10.520>
- Mustapha, N., Abd Rhani, N., Md Yasin, R., Nasir, R. M., Awang, J., & Wan Yusoff, W. R. (2019). Koch snowflakes batik design. In *Proceedings of the 2nd Kelantan International Learning and Innovation Exhibition (KILIEx) 2019* (pp. 52–54).
- Nakula. (1990). *Batik kita: Falsafah motif-motif dan sejarahnya* (Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Warisan IX). Muzium Negeri Kelantan.
- Nian S. Djoemena. (1990). *Ungkapan sehelai batik Indonesia*. Djambatan.
- Nordin, R., & Bakar, S. S. A. (2013). Malaysian batik industry: Protecting local batik design by copyright and industrial design laws. *International Journal of Business and Society*, 13(2), 117–132.
- Nordin, N., & Hassan, M. M. (2019). Faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen prestasi kerja dalam kalangan penjawat awam: Kajian rintis di Jabatan Kemajuan Masyarakat, Negeri Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 11–20. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i7.303>
- Osman, Z. A. (2002). Contemporary batik in Malaysia. In *Proceedings of Seminar Batik: Ekspresi, Eksplorasi, dan Komunikasi* (pp. 12–15). Institut Kraf Negara; Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Sukri, N. A., & Nachiappan, S. (2021). Kecenderungan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar: Career choice tendencies among secondary school students in urban and rural areas of Kelantan. *Jurnal Ilmi*, 11, 56–63.
- Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N., & Hoagwood, K. (2015). Purposeful sampling for qualitative data collection and analysis in mixed method implementation research. *Administration and Policy in Mental Health and Mental Health Services Research*, 42(5), 533–544.
- Pepin, V. R. (1993). *Batik design*. The Pepin Press.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. (2023). *Laporan tahunan 2022*. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. (2024). *Laporan tahunan 2023*. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Mamat, F. N. A., & Abd Rahman, I. (2019). Faktor pemilihan pekerjaan dalam kalangan prasiswazah: Kajian di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4), 1–18. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/285>
- Malaysia.Travel. (2025). *Visit Malaysia 2026 – Logo application guidelines*. Retrieved September 23, 2025, from Malaysia.Travel.
- Ramli, S., Abdul Rani, M. K. A., & Zamari, Z. M. (2017). Exploration of batik lukis motifs as a medium of art communication in Pahang. *Jurnal Komunikasi*, 33(1), 173–183. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2017-3301-12>
- Redzuan, M., & Aref, F. (2011). Constraints and potentials of handicraft industry in underdeveloped region of Malaysia. *African Journal of Business Management*,

- 5(2), 256–260. <http://academicjournals.org/journal/AJBM/article-full-text-pdf/4B572AC15919>
- Robinson, R. (2001). *Creative batik*. Search Press.
- Rosman, R., Khairi, H., Legino, R., & Naser, F. L. (2019). Overview of Malaysian traditional batik authenticity. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 6(S15), 125–129. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v6iS15.2937>
- Samsuddin, M. F., Hamzah, A. H., Mohd Radzi, F., Ahmad, S. N. A., Noorizan, M. F., & Bebit, M. A. A. (2020). Integrating Malaysian and Japanese textile motifs through product diversification: Home décor. *Ideology Journal*, 5(2), 79–88. <https://doi.org/10.24191/ideology.v5i2.228>
- Shaharuddin, S. I. S., Shamsuddin, M. S., Drahman, M. F., Hasan, Z., Asri, N. A. M., Nordin, A. A., & Shaffiar, N. M. (2021). A review on the Malaysian and Indonesian batik production, challenges, and innovations in the 21st century.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill-building approach* (7th ed.). John Wiley & Sons.
- Siregar, E. (2011). Pengaruh motivasi kerja, kinerja individual dan sistem kompensasi finansial terhadap kepuasan kerja guru SMPK BPK PENABUR Bintaro Jaya Jakarta. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 16.
- Siti Faridzah Nor Pazil, & Sheerad Sahid, N. O. (2021). Kesan faktor motivasi dan faktor hygiene terhadap kepuasan pekerja dalam kalangan pekerja usahawan MADA. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 54–71. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/13498>
- Spradley, J. P. (1979). *The ethnographic interview*. Holt, Rinehart & Winston.
- Taa, T., & Putra, F. T. (2022). Pengaruh upah, motivasi dan budaya kerja terhadap kinerja karyawan PT Balina Agung Perkasa Cileungsi. *Jurnal Manajemen Bisnis Krisnadwipayana*, 10(1), 413–428. <https://doi.org/10.35137/jmbk.v10i1.670>
- Tourism Malaysia. (2025, January 6). *Launch of Visit Malaysia 2026 campaign: A milestone for tourism growth*. Retrieved September 23, 2025, from Tourism Malaysia.
- UNESCO. (2009). *Indonesian batik*. Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage. <https://ich.unesco.org/en/RL/indonesian-batik-00170>
- Utusan Malaysia. (2021, September). MyCraftShoppe perhebat pemasaran produk kraf. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/09/mycraftshoppe-perhebat-pemasaran-produk-kraf/>
- Yaakub, M., Hamzah, N., & Mohd Nor, A. (2020). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Universiti Malaya Press.
- Yunus, N. A. (2011). *Malaysian batik: Reinventing a tradition*. Yayasan Budi Penyayang Malaysia.
- Yusman Ayob & Mohamed Roselan Malek. (1995). *Kraftangan dan senibina tradisional*. Prisma Sdn Bhd.
- Zanzali, N. A. A., & Rahmat, N. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia* (pp. 1–9). Universiti Teknologi Malaysia.
- Zikmund, W. G., Babin, B. J., Carr, J. C., & Griffin, M. (2013). *Business research methods* (9th ed.). Cengage Learning.